

**Parlimen: Dewan Negara Lulus Lima Rang Undang-undang Berkaitan Kebajikan Pekerja
Bernama
22 Disember, 2011**

KUALA LUMPUR, 22 Dis (Bernama) -- Persidangan Dewan Negara Khamis meluluskan lima rang undang-undang yang berkait rapat dengan hal-hal kebajikan pekerja.

Rang undang-undang yang diluluskan itu termasuk yang dihimpit kontroversi iaitu Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 yang diluluskan secara undi belah bahagian.

Undian itu yang diminta oleh Senator Saiful Izham Ramli menyaksikan 36 anggota Dewan Negara menyokong manakala hanya lapan yang tidak bersetuju rang undang-undang itu dibacakan untuk kali kedua.

Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Maznah Mazlan, akan membolehkan pemantauan dan pengawalan agensi pembekal tenaga buruh yang lebih sistematik, terutama di kawasan terpencil.

Selain itu, kementerian juga akan mempunyai rekod komprehensif pekerja bagi memudahkan urusan pemantauan.

Turut diluluskan adalah Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 2011 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Liew Vui Keong.

Tiga lagi rang undang-undang yang dibentangkan iaitu Rang undang-undang Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011, Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2011, dan Rang Undang-undang Saraan hakim (Pindaan)(No.2) 2011 diluluskan tanpa dibahaskan.

Terdahulu, ketika penggulungan Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011, Yang Dipertua Dewan Negara Tan Sri Abu Zahar Nika Ujang menegur sikap anggota Dewan Negara dari pembangkang yang meminta supaya diadakan undi belah bahagian.

"Saya melihat pembelahbahagian sudah menjadi trend. Jadi saya minta ahli-ahli dewan memikirkan apakah faedahnya kepada dewan.

"Saya bercakap bukan emosi tapi sama-samalah kita bertanggungjawab. Ini adalah hari terakhir dan ada lagi rang undang-undang yang belum diluluskan," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=635953>